




teropong melalui usus. Jika tidak berjaya, doktor akan menggunakan alternatif iaitu imbasan tomografi berkomputer (skan CT). Sebelum melakukan pembedahan membuang kanser kolorektum, terdapat tiga perkara penting yang perlu diambil kira iaitu jarak, bilangan kelenjar dan status kelenjar.

Membuang kanser di kawasan usus besar tidak memadai kerana dikhawatir ia akan kembali semula. Jadi, doktor perlu membuang lebih usus besar di kawasan kanser tersebut.

Selaras itu, doktor perlu menganalisis kelenjar dan bilangan ditetapkan ialah 12 kelenjar. Mahal, kesemua kelenjar tersebut perlu berada pada status negatif. Jika bilangan kelenjar adalah kurang daripada 12, doktor akan mengesyaki bahawa salah satu kelenjar yang kurang adalah positif yang dikhawatir dapat merebak dan menyering organ lain.

Walaupun se-sel kanser tidak boleh menjana semula seperti sel lain, sel



KANSER kolorektum mempunyai empat peringkat dan peringkat terakhir membolehkan penyakit tersebut merebak ke organ lain seperti hati serta paru-paru.

kanser dalam golongan mudah adalah lebih agresif dan ia berkemungkinan besar boleh datang kembali.

Kolon yang telah dibuang akan membuat pencantuman atau sambungan balik dengan jahitan yang mengambil masa selama dua jam. Pencautuman dipastikan supaya tiada jurang kerana boleh terbuka dan membahayakan sistem badan. Bahagian yang paing susah ialah rektum yang mengambil masa selama empat hingga lima jam.

Sementara itu, pada bulan April lalu, sebuah Persatuan Advokasi Kanser Malaysia dikenali sebagai Empowered telah mengajurkan program seminar mengenai kanser usus besar di Projek Perumahan Awam Hiliran Ampang, Kuala Lumpur.

Dalam pengisian program tersebut,

terdapat tiga wakil yang pernah mengidap kanser kolorektum menceritakan pengalaman mereka. Penulis sempat menemu ramah dua bekas pesakit kanser kolorektum di program seminar tersebut iaitu Anna A. Hamid, 57, dan Abdul Wahab Omar, 66.

"Saya mengalami kesakitan pada bahagian perut dan sering crit-birit. Namun, saya pergi ke klinik dan memakan ubat seperti biasa.

"Saya beranggapan ia hanyalah sakit biasa kerana mungkin tersilap makan. Jadi, saya membiarkan saja," kata Anna yang menetap di Cheras, Kuala Lumpur.

Khidmat nasihat

Anna mendapat tahu mengenai Empowered melalui kain rentang dan risalah yang diedarkan ke rumahnya. Apabila membaca risalan tersebut, dia mendapati simptom kanser kolorektum adalah sama seperti yang diaaminya.

Dia mengambil keputusan untuk menelefon Empowered dan mereka datang ke rumah bersama jururawat.

Anna menjalani ujian saringan sendiri yang dikemali sebagai Ujian Fecal Immunohistochemical. Ia membolehkan pesakit mengambil sampel najis dan menghantarnya kepada doktor untuk diproses.

Keputusan daripada ujian saringan itu mendapat bahawa Anna menghadapi kanser kolorektum peringkat ketiga di bahagian rektum.

"Namun begitu, apabila pakar kesihatan menasihatkan supaya menjalani ujian saringan, mereka tidak mahu," ujarnya pihak kesihatan sukar untuk membantu jika individu tidak memberi kerjasama.

Secara langsung, program-program berbentuk seminar seperti yang diadakan pada bulan April di Projek Perumahan Hiliran Ampang, Kuala Lumpur mengenai kanser kolorektum dapat memberi gambaran kepada penduduk.

Selain itu, tujuan Empowered mengadakan kumpulan-kumpulan mengenai kanser untuk memberi kesedaran terutamanya bagi golongan



Masyarakat perlu tahu tentang kanser

TIDAK dinafikan ramai penduduk di Malaysia tidak mengetahui tentang kewujudan kanser usus besar kerana ia tidak hangat diperkatakan seperti kanser paru-paru dan kanser payudara.

Namun, hakikatnya kanser usus besar merupakan penyakit kanser tertinggi selepas kanser payudara dan kadar peratusannya meningkat sedikit demi sedikit setiap tahun.

Berbanding dengan kanser payudara yang dapat diketahui apabila terasa bonjolan, kanser usus besar adalah pembunuhan senyap. Jika tidak dibuang, ia boleh merebak ke organ lain seperti hati dan paru-paru.



CHRISTINA NG
Pakar Runding Onkologi memberitahu, penduduk di negara ini mengetahui tentang kanser tetapi tidak begitu mendalam.

"Siapa yang tidak terkejut apabila mengetahui bahawa mereka menghadapi kanser. Ahli keluarga juga berasa gusar."

"Masih ramai yang tidak tahu tentang kanser ini kerana simptomnya adalah sakit perut dan cirti biri. Orang hanya mengesyakiinya sebagai sakit perut biasa atau keracunan makanan," kata Pengasas Persatuan Advokasi Kanser Malaysia Empowered, Dr. Christina Ng.

Christina yang juga merupakan memberitahu, penduduk di negara berbentuk seminar seperti yang diadakan pada bulan April di Projek Perumahan Hiliran Ampang, Kuala Lumpur mengenai kanser kolorektum dapat memberi gambaran kepada penduduk.

Selain itu, tujuan Empowered mengadakan kumpulan-kumpulan mengenai kanser untuk memberi kesedaran terutamanya bagi golongan

memberi khidmat nasihat dan klinik. "Penyakit kanser sebenarnya memerlukan dorongan dari pelbagai pihak. Jadi, kami ingin bantu meningkatkan semangat dan memberi penerangan supaya mereka lebih jelas," ujarnya.

Menurutnya, Empowered telah mengadakan pelbagai seminar selama lima tahun.

Christina berharap orang ramai memberanikan diri dalam melakukan ujian saringan dan mencegah penyakit kanser sebelum ia menjadi lebih parah.

Individu yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program anjuran Empowered boleh melayari laman web www.empowered.org.my atau hubungi talian 03-7726 8806.